



**ANGGOTA** yang terlibat dalam program Hari Setiausaha 2017.

## **PMPEP** anjur program Hari Setiausaha 2017

UB 28.4.2017 B5

KOTA KINABALU: Persatuan Mahasiswa Perniagaan, Ekonomi, dan Perakaunan (PMPEP) berjaya menganjurkan program Hari Setiausaha 2017 di Dewan Kuliah Pusat 2 iaitu DKP 26 baru-baru ini.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Ismail Ali, melalui program itu, mahasiswa diberi peluang untuk menyuarakan persoalan mengenai kaedah penulisan surat-menyurat, minit mesyuarat, laporan dan kertas kerja yang betul dan efisien di samping memastikan mahasiswa memahami konsep dan format yang sebenar dalam pengendalian dokumen-dokumen rasmi.

Secara tidak langsung, program ini akan meningkatkan kualiti para mahasiswa dalam menghasilkan dokumen rasmi yang diperlukan, katanya.

Penceramah jemputan,

Muhamad Jumrat wakil daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS berkata program itu adalah untuk memberi pendedahan kepada semua mahasiswa mengenai tugas-tugas setiausaha secara terperinci dan untuk mewujudkan budaya cemerlang dalam kalangan mahasiswa bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang penulisan.

Program ini dihadiri oleh 90 pelajar yang terdiri daripada barisan tertinggi, barisan AJK Persatuan Perniagaan, Ekonomi, dan Perakaunan, dan wakil daripada setiap program di Fakulti Perniagaan, Ekonomi, dan Perakaunan.

Wakil program HE04 Keusahawanan Mohamad Afiq bin Mohd Yusri berkata, perkongsian ilmu berkaitan kaedah penulisan surat-menyurat, minit mesyuarat, laporan, dan kertas kerja dengan terperinci sedikit sebanyak dapat melahirkan

mahasiswa yang berilmu dan bersifat positif apabila melangkah ke alam kerjaya kelak.

Di samping itu, program ini dapat memperbaiki dan memantapkan penulisan mahasiswa daripada melakukan kesilapan.

"Ini kerana apabila mahasiswa ingin menjalankan sesuatu program, penulisan adalah sangat penting," katanya.

Menurut Pengarah Program Hari Setiausaha 2017, Nursilah Haris, program ini dapat membantu mahasiswa dalam jangka masa yang panjang terutamanya dalam bidang kerjaya nanti.

Selain itu, program ini dapat membantu dalam memastikan imej, reputasi Persatuan Mahasiswa Perniagaan, Ekonomi, dan Perakaunan dipertingkatkan lagi melalui penguasaan kemahiran dalam bidang penulisan dokumen-dokumen rasmi yang berkesan," katanya.



**SEMASA** ceramah berlangsung.